

11 JUL 2000

MAHATHIR-KONTRAKTOR/I

MAHATHIR GESA KONTRAKTOR M'SIA TEROKA PERNIAGAAN DI LUAR NEGARA

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa kontraktor-kontraktor Malaysia mencontohi syarikat-syarikat pembinaan asing dengan menerokai perniagaan di luar negara.

"Tiada sebab mengapa syarikat Malaysia tidak boleh mendapatkan kerja-kerja pembinaan walaupun di negara maju. Kita mempunyai keupayaan dan boleh mencapai standard dunia," kata beliau.

Dr Mahathir menambah negara-negara di sebelah selatan dunia berminat untuk mendapatkan kontraktor-kontraktor Malaysia membina infrastruktur, termasuklah Jamaica yang telah meminta beliau mengenalpasti kontraktor tempatan untuk membina lebuh raya untuk mereka.

Bercakap pada Konvensyen dan Pameran Struktur Keluli 2000 di Seri Kembangan dekat sini hari ini, beliau berkata faedah yang diperolehi hasil daripada kontrak-kontrak pembinaan yang dikendali oleh kontraktor Malaysia di luar negara amat banyak dan hasil pendapatan berkenaan boleh membantu negara mencapai wawasan 2020.

Beliau menegur sikap para peniaga yang hanya selesa menjalankan perniagaan di dalam negara sendiri kerana telah biasa dengan keadaan negara dan ditambah pula dengan adanya kerajaan yang sentiasa bersedia untuk membantu.

Beliau berkata menerokai perniagaan di seberang laut memberi faedah kepada industri keluli tempatan di mana pasaran masih tidak mampu menyokong pengeluaran keluli bersepadu memandangkan Malaysia ialah sebuah negara kecil dan sebagai sebuah negara membangun, penggunaan keluli amat rendah.

Pada masa yang sama, Dr Mahathir berkata tindakan melambakkan produk oleh negara-negara besar menyukarkan industri keluli berdaya maju untuk berkembang di negara seperti Malaysia di mana import secara perbandingannya adalah lebih murah daripada produk tempatan.

Oleh yang demikian, beliau berkata jika pengilang-pengilang keluli mampu mengurangkan kos mereka, maka mereka kini telah bersedia membekalkan pembinaan dan lain-lain produk keluli ke seluruh negara.

"Syarikat-syarikat pembinaan kita yang berada di luar negara akan membantu memperkenalkan keluli Malaysia. Kemungkinan, kita boleh menyediakan permintaan yang cukup untuk menyokong industri pembuatan keluli berskel penuh," tambah beliau.

Bagi mengukuhkan industri keluli tempatan, beliau berkata para peniaga tempatan dan kakitangan kejuruteraan mereka mesti berusaha mendapatkan lebih banyak produk yang boleh direka untuk kegunaan tempatan dan juga eksport.

"Peniaga-peniaga Malaysia mestilah lebih bersikap "adventurous" dalam penciptaan aplikasi-aplikasi dan kaedah baru, sekaligus mengujinya. Tambahan lagi, dalam dunia keluli, setiap minggu ada sahaja cara-cara penggunaan keluli dilabur dan direka," tambah beliau.

Selain daripada itu, Perdana Menteri berkata mereka yang terlibat di dalam industri pembinaan berintensif buruh, mesti mendapatkan kaedah-kaedah baru pengendalian pembinaan keluli dan mencipta kaedah mereka untuk mengurangkan penggunaan buruh menerusi pengeluaran elemen-elemen keluli di luar kilang.

"Kita sepatutnya selalu menerokai perkara-perkara baru. Orang-orang Malaysia selalunya mempunyai perasaan rendah diri yang tidak boleh dibuang. Kita masih fikir kita golongan kelas kedua," tambah beliau.

Dengan mengambil contoh Menara Berkembar Petronas, bangunan tertinggi di dunia, Dr Mahathir menegaskan terdapat banyak lagi benda-benda "ter" di Malaysia.

"Kita perlu lebih yakin dengan diri sendiri dan bersedia melakukan sesuatu yang lain daripada selalu dilakukan kita, menjadi peneraju dan kurang orthodox," tambah beliau.

Beliau menegaskan Malaysia yang telah keluar daripada sikap orthodox dan menerajui cara-cara baru dalam pembangunan tidak akan mengecap kejayaan seumpama ini jika ia masih kekal dengan cara-cara lama.

Selain daripada sektor swasta, Dr Mahathir berkata kerajaan, menerusi pelbagai agensi akan terus memainkan peranan penting dalam memajukan lagi industri pembinaan. -- BERNAMA

MOT AA OS